

03/07/2002

Kepulangan PM lonjakan harga saham di BSKL

PASARAN saham tempatan ditutup tinggi secara menyeluruh semalam apabila kaunter mewah berkaitan indeks melonjak, terutamanya dalam sesi dagangan petang berikutan sentimen kukuh menjelang kepulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pada penutup dagangan semalam, Indeks Komposit (IK) yang menjejak prestasi 100 saham terpilih meningkat 2.6 peratus apabila ia melantun 18.71 mata kepada 743.36 mata.

Penganalisis pasaran berkata, kenaikan tinggi IK itu sebahagian besarnya disumbangkan kenaikan kukuh saham utama berkaitan indeks terutama Tenaga Nasional Bhd (TNB), Telekom Malaysia Bhd dan Malayan Banking Bhd (Maybank) serta sentimen lebih positif terhadap pasaran tempatan dan serantau.

"Sentimen pasaran kelihatan sudah pulih daripada kejutan dua minggu lalu apabila Dr Mahathir mengumumkan untuk meletak semua jawatannya dalam Umno dan Barisan Nasional," kata seorang penganalisis di sebuah syarikat broker tempatan.

Beliau menambah sokongan pelabur institusi tempatan terutamanya terhadap tiga kaunter utama berkaitan indeks itu menjadi faktor utama menaikkan IK.

TNB mendahului senarai kaunter yang menyaksikan kenaikan kukuh semalam apabila ia meningkat RM1 untuk ditutup pada RM11.

Beberapa saham berkaitan indeks lain termasuk Maybank, Petronas Gas, Amcorp dan Telekom turut merekodkan peningkatan.

Berita mengenai kejayaan Telekom dalam perebutan mendapatkan empat kerusi dalam lembaga pengarah Technology Resources Industries Bhd (TRI) menyaksikan Telekom naik 15 sen atau 1.9 peratus kepada RM8.

Seorang penganalisis di sebuah syarikat broker saham lain pula berkata, peserta pasaran semalam berjaya menampung kembali kerugian yang dialami ketika pembukaan apabila pengurus dana tempatan berebut-rebut mengumpul saham pada sesi petang.

Mereka mengharapkan kepulangan Dr Mahathir dari luar negara hari ini akan menghapuskan sebarang kebimbangan pasaran berikutan rancangan beliau untuk bersara selepas Oktober tahun depan, katanya.

Dr Mahathir bercuti di luar negara sejak kira-kira seminggu lalu, sehari selepas mengumumkan peletakan jawatannya yang mengejutkan negara.

Isnin minggu lalu, iaitu hari pertama dagangan selepas pengumuman berkenaan, IK jatuh 2.3 peratus berikutan sikap berhati-hati pasaran.

Dalam dagangan hari itu, IK jatuh 16.85 mata kepada 726.5 mata, iaitu ke paras terendahnya dalam tempoh tiga bulan.

Bagaimanapun, berikutan prospek kukuh ekonomi negara, pelabur menggunakan peluang itu untuk mengumpul saham.

Sementara itu, dalam dagangan semalam, Indeks Emas naik 3.83 mata kepada 179.79 mata, manakala Indeks Perusahaan melonjak 25.07 mata kepada 1,442.53.

Sebanyak 473 kaunter untung, 145 rugi, 181 tidak berubah manakala 272 lagi tidak diniagakan.

Jumlah dagangan meningkat kepada 154.609 juta saham bernilai RM369.351 juta berbanding 122.888 juta saham bernilai RM261.820 juta kelmarin.

Di Papan Utama, jumlah dagangan meningkat kepada 130.437 juta saham bernilai RM331.168 juta berbanding 99.906 juta saham bernilai RM241.605 juta kelmarin.